

24/09/1999

Wawasan baru lengkapkan pembangunan

SELEPAS memperkenalkan wawasan berasaskan teknologi maklumat (IT) menerusi penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin menyuarakan pula wawasan terbaru iaitu menjadikan Malaysia negara pengeluar makanan. Pihak terbabit khususnya sektor pertanian kini perlu menumpukan usaha kepada penggunaan segala sumber alam semula jadi yang ada di negara ini untuk menghasilkan produk makanan untuk kegunaan tempatan dan eksport.

Jika pada tahun 1960-an, Malaysia memberi tumpuan kepada usaha memajukan sektor pertanian kemudian kepada sektor perindustrian dan yang terakhir industri IT, kini kerajaan mahu tumpuan diberikan semula kepada industri pengeluaran makanan.

Perdana Menteri menyuarakan wawasan ini setelah menyedari betapa pentingnya makanan kepada rakyat dan negara yang sedang pesat membangun dan untuk menampung keperluan masa akan datang. Ini tidak pula bermakna negara mengambil langkah mundur ke belakang tetapi sebaliknya bertekad untuk meningkatkan industri pertanian ke tahap yang lebih tinggi dan sesuai dengan kemajuan dunia pada masa akan datang.

Dalam konteks ini Kementerian Pertanian dan agensi berkaitan kini mempunyai tugas yang lebih besar dan mencabar untuk berusaha ke arah merealisasikan wawasan terbaru ini supaya proses pembinaan sebuah negara maju boleh dianggap sebagai sempurna dengan pelaksanaan wawasan ini.

Oleh kerana Malaysia memang kaya dengan pelbagai sumber alam, sewajarnya rakyat dapat memanfaatkan sepenuhnya kekayaan ini. Kawasan tanah yang luas seharusnya digunakan dengan optimum untuk menghasilkan pelbagai produk makanan dan yang berasaskan pertanian di samping memberikan pulangan yang lumayan.

Kejayaan dan kemampuan rakyat dalam bidang industri dan teknologi maklumat selama ini seharusnya digunakan sebaiknya untuk mengeluarkan bahan makanan dengan menggunakan pelbagai sumber pertanian khususnya alam semula jadi termasuk sumber dari laut.

Usaha ini selain meningkatkan kemajuan sektor pertanian dapat mengurangkan kos pengimportan makanan dari luar negara. Dengan ini Malaysia tidak perlu lagi bergantung kepada import makanan sebaliknya boleh menjadi pengeksport makanan ke rantau ini dan seluruh dunia.

Pelaksanaan wawasan terbaru ini juga dapat menghapuskan imej petani, penternak dan nelayan negara ini sebagai golongan miskin dan sentiasa memerlukan bantuan kerajaan. Dengan tercapainya wawasan ini mereka pasti mendapat imej baru sebagai golongan yang berjaya dan progresif serta hidup lumayan dan mewah.

Menurut Dr Mahathir wawasan baru ini mungkin nampak biasa saja tetapi sebenarnya tidak kurang penting dengan wawasan lain kerana Malaysia tidak perlu mengimport makanan kerana negara ini juga boleh dan mampu mengeluarkan makanan sendiri. Terlalu banyak mengimport makanan hanya membebankan kerajaan terutama sewaktu menghadapi kelembapan ekonomi.

Usaha ke arah mencapai wawasan terbaru ini juga dapat mengurangkan keghairahan pelbagai pihak yang menggunakan kawasan pertanian untuk projek pembangunan seperti perumahan dan perkilangan. Terlalu banyak projek pembangunan seperti ini boleh mengurangkan kawasan penting untuk pertanian serta menjejaskan pengeluaran makanan negara.

Pelaksanaan wawasan ini dapat menseimbangkan pembangunan infrastruktur yang begitu pesat dengan pembangunan sektor pertanian yang juga penting

dalam pembangunan.

Rancangan untuk meningkatkan pengeluaran makanan bukan sekadar untuk memakan hasilnya tetapi mengeluarkan pelbagai produk lain yang berasaskan hasil pertanian yang diusahakan. Contohnya jika nelayan menangkap ikan ia bukan untuk dimakan saja, malah hasil ikan boleh digunakan untuk mengeluarkan produk lain seperti keropok, ikan kering dan ikan dalam tin.

Begitu juga buah-buahan bukan saja untuk dimakan tetapi boleh dibuat jem, jus, buah dalam tin dan perisa bagi pelbagai makanan lain.

Pendekatan untuk usaha pertanian moden dalam alaf baru juga perlu diubah daripada cara tradisi kepada cara yang lebih moden dan canggih serta penggunaan pelbagai kaedah dan penemuan yang dihasilkan oleh pusat pengajian tinggi dan pusat penyelidikan negara atau dunia.

Dengan ini Malaysia bukan saja maju dan berjaya dalam pembangunan fizikal, infrastruktur, industri dan teknologi maklumat tetapi juga disokong dan dimantapkan dengan kejayaan dan pencapaian dalam sektor pertanian dan pengeluaran makanan bertaraf dunia.

(END)